



**Teks Ucapan
Malam Kemuncak Pesta Kenyalang 2008
Universiti Malaysia Sabah**



TEKS UCAPAN MALAM KEMUNCAK

Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon

Naib Canselor

Universiti Malaysia Sabah

Terima kasih saudara dan saudari pengurus majlis.

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Amran bin Ahmed,

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaysia Sabah,

Yang Berbahagia, En. Mohamad Abu Bakar bin Marzuki,

Pengarah Yayasan Sarawak,

En. Khairuddin bin Abdullah,

Penasihat 1,

Pesta Kenyalang Edisi Pertama 2008

Saudara Hasanal bin Hasan Alban,

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sabah,

Saudara Dickson Chelaes Anak Sylvester Sultan,

Pengarah Pesta Kenyalang 2008,

Para Pensyarah,

Para Pegawai Universiti,

Para Kakitangan Universiti,

Barisan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar,

dan Seterusnya siswa siswi yang dikasihi sekalian

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana menjemput saya ke majlis ini dan setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada pihak pengajur di atas pengajuran Majlis Malam Kemuncak Pesta Kenyalang 2008 . Saya dimaklumkan bahawa program ini adalah pertama kali diadakan oleh Sekretariat Pesta Kenyalang 2008, UMS. Syabas dan tahniah diucapkan semoga majlis ini berupaya menjana objektif Pesta Kenyalang itu sendiri yang berlandaskan kepada hubungan akrab antara masyarakat majmuk negara ini yang merentas sempadan.

Tradisi dan budaya merupakan satu aspek kehidupan yang amat berharga dan seharusnya dipelihara oleh setiap anggota masyarakat. Memandangkan negara kita adalah sebuah negara yang kaya dengan aset kesenian dan budaya yang unik dan pelbagai, kita seharusnya gagah memeliharanya. Untuk itu, kita perlu saling mempelajari dan memahami setiap budaya masyarakat lain. Kita juga perlu memiliki rasa bangga kerana kita Bangsa Malaysia yang berlainan bangsa, agama dan budaya mampu bersatu dan bekerjasama dengan semangat yang jitu cintakan negara. Justeru, kumpulan siswa siswi yang merupakan antara komuniti masyarakat Malaysia yang saling berinteraksi antara satu dengan lain wajar diberi pendedahan dan kesedaran tentang kepelbagaiannya budaya yang ada di negara kita. Dengan yang demikian, mereka mampu menjadi penggerak yang proaktif dalam memantapkan lagi hubungan masyarakat di negara ini.

Walaupun Pesta Kenyalang berkonsepkan persesembahan dan pertunjukan pelbagai jenis kesenian dan kebudayaan daripada pelbagai etnik yang terdapat di negeri Sarawak, ianya tidaklah tersurat untuk menonjolkan keunikan satu-satu budaya sahaja. Sebaliknya Pesta ini mempunyai tujuan yang tersirat, yakni perpentingnya masyarakat negara ini merasai sama ketinggian dan keunikan budaya masyarakat kita yang pelbagai. Sekaligus ini menjadi satu medium untuk siswa siswi UMS memupuk semangat perpaduan yang jitu di kalangan mereka di dalam persekitaran kampus untuk kemudiannya diterjemahkan dalam kehidupan diluar kampus.

Saya tidaklah berhasrat untuk berucap lebih panjang, kerana apa yang penting adalah agar kita sama-sama dapat merasai, suatu nikmat tinggal dalam negara yang aman dan damai, yang semua kaum dapat sama-sama berkongsi adat, budaya dan cara hidup yang hanya terdapat di kalangan masyarakat Malaysia sahaja.

Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak pengajur kerana telah berjaya menganjurkan program yang penuh bermakna ini.

Sekian, terima kasih.